

PERANAN DAN SOKONGAN ANAK MEMBANTU IBU BAPA MENGERJAKAN IBADAH HAJI DALAM KALANGAN KELUARGA MELAYU ISLAM DI KELANTAN

*(The Role of Children in Supporting Parents to Perform Hajj amongst
the Muslim Family in Kelantan)*

Norizan Musa

norizanmusa_88@yahoo.com

Suriati Ghazali*

suriati@usm.my

Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): *

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Norizan Musa & Suriati Ghazali (2021).
Pernaan dan sokongan anak membantu ibu bapa mengerjakan ibadah haji dalam
kalangan keluarga Melayu Islam di Kelantan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia
Melayu*, 14(2), 159–180. [https://doi.org/10.37052/jm.14\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jm.14(2)no1)

Peroleh: <i>Received:</i> 23/12/2020	Semakan: <i>Revised</i> 29/3/2021	Terima: <i>Accepted:</i> 25/5/2021	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i> 2/7/2021
---	--------------------------------------	---------------------------------------	---

Abstrak

Mengerjakan haji menjadi impian setiap orang yang beragama Islam. Antara faktor yang menjadi pertimbangan ibu bapa untuk memenuhi hasrat ini termasuklah anak-anak yang masih dalam tanggungan dan ketidakcukupan wang. Masa yang sesuai untuk memenuhi impian terpendam ini adalah apabila anak-anak sudah dewasa dan telah bekerja. Kajian ini bertujuan mengkaji sejauh mana bantuan wang ringgit daripada anak-anak dapat membantu ibu bapa mengerjakan haji.

Seterusnya, membandingkan bantuan kewangan berasaskan gender anak-anak. Responden kajian terdiri daripada 10 orang ibu atau bapa berumur 60 tahun dan ke atas, berbangsa Melayu dan beragama Islam. Responden dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan, dan mereka telah ditemu bual secara mendalam. Data dan maklumat hasil temu bual dianalisis menggunakan analisis kandungan dan disusun mengikut tema selepas ditranskripsikan dan dibincangkan. Hasil kajian ini mendapati sokongan berbentuk pemberian wang secara tidak tetap dan berkala, serta pembiayaan sepenuhnya telah berjaya merealisasikan impian sebahagian ibu bapa untuk mengerjakan haji. Kajian ini telah menyumbang kepada pengetahuan tentang peranan sokongan berbentuk kewangan daripada anak lelaki dan perempuan telah memainkan peranan untuk membantu ibu bapa memenuhi cita-cita menunaikan haji, satu perjalanan massa (besar-besaran) yang diwajibkan atas semua warga Muslim (yang berkemampuan). Khususnya, mereka yang sudah berumur, yang ingin mencapai impian memenuhi rukun Islam yang kelima.

Kata kunci: ibu bapa, bantuan wang, anak lelaki, anak perempuan, ibadah haji, rukun Islam kelima

Abstract

Performing the hajj is the dream of every Muslim. Among the factors that parents consider when achieving this dream include dependent children and insufficient money. Therefore, the most suitable time for them to perform this long-held dream is when their children are grown up and working. This study aims to survey the extent of financial assistance from children that can help parents to perform the hajj. Furthermore, this study will compare the financial efforts of children towards their parents based on gender. The respondents for this study comprised 10 mothers and fathers aged 60 to 80 years who are of Malay ethnicity and of the Islamic faith. Respondents were selected using the purposive sampling technique, and they were interviewed in depth. The data and information resulting from the in-depth interviews were analysed using content analysis and arranged according to themes after they were transcribed and discussed. The results showed that support in the form of random cash contributions and full financing have successfully realized a few of the parents' lifetime dream of performing the hajj. This study has contributed knowledge regarding the role of monetary support from sons and daughters to help their parents fulfil their ambition to perform the hajj, which is a mass pilgrimage that is obligatory to all Muslims, especially for the elderly who wish to achieve their dream of fulfilling the fifth pillar of Islam.

Keywords: parents, monetary help, sons, daughters, the hajj, the fifth pillar of Islam

PENDAHULUAN

Ibadah haji merupakan perjalanan berbentuk keagamaan yang menggabungkan kemampuan material, rohani, dan jasmani. Hal ini bermaksud, seseorang terlebih dahulu wajib memenuhi setiap syarat kemampuan haji iaitu mempunyai kesihatan yang baik, kecukupan wang, kuota, mahram (bagi yang berusia bawah 45 tahun), kenderaan pergi dan balik dan aman dalam perjalanan (Lembaga Tabung Haji, 2018). Oleh itu, persediaan perlu dilakukan lebih awal dengan membuka akaun Tabung Haji, membuat pendaftaran haji, dan mencukupkan simpanan di Tabung Haji. Penubuhan Lembaga Tabung Haji (LTH) pada tahun 1963 telah membantu orang Melayu menyimpan wang di bank, secara beransur-ansur dengan cara yang selamat tanpa unsur riba. Pada tahun 2009, kos menunaikan haji di Malaysia adalah sebanyak RM 12,600 dan meningkat kepada RM 22,900 pada tahun 2010. Bagi individu pertama kali menunaikan haji, jumlah bayaran adalah sebanyak RM9,980 iaitu sebanyak 56 peratus (RM12,920) ditanggung oleh Tabung Haji (TH) (Lembaga Tabung Haji Malaysia, 2020). Peningkatan kos mengerjakan haji sejak 20 tahun kebelakangan ini memberi cabaran kepada umat Islam khususnya warga emas yang dikategorikan berpendapatan rendah dan miskin.

Pada tahun 1960-1970-an, majoriti orang Melayu di luar bandar menyimpan wang secara tradisional di rumah (Aiza, 2016). Pelbagai cara telah dikorbankan oleh masyarakat Melayu untuk mencapai matlamat dan hasrat menunaikan haji, seperti menggadaikan tanah, haiwan ternakan dan harta benda (Yahaya, 2008). Walau bagaimanapun, perjalanan haji dilakukan setelah anak-anak dewasa (Norizan, 2019). Pelbagai halangan pada usia muda seperti bilangan anak yang ramai dan masih kecil menjadikan ibadah haji sebagai satu-satunya impian tertangguh ibu bapa sehingga ke usia tua. Pada pandangan ibu bapa, keperluan dan kepentingan anak-anak di bawah tanggungan adalah lebih utama berbanding memenuhi keinginan diri sendiri. Atas sebab tersebut, ibu bapa sanggup berkorban apa-apa sahaja untuk mendapatkan wang bagi perlindungan, kesihatan dan keselamatan. Malahan ibu bapa juga sentiasa berusaha dari segi tenaga dan kudratnya untuk merealisasikan segala impian anak-anak di bawah tanggungan, bersesuaian dengan lirik lagu Allahyarham Tan Sri P Ramlee (1956) dalam filem *Anakku Sazali* yang berbunyi:

Berkorban apa saja,
Harta atau pun nyawa,
Itulah kasih mesra,
Sejati dan mulia',

Begitu besarnya pengorbanan ibu bapa terhadap anak mereka bermula pada hari pertama kehamilan, ketika si ibu melahirkannya, penjagaan pada peringkat bayi, seterusnya peringkat kanak-kanak, remaja, dewasa sehinggalah usia tua. Ibu bapa menyantuni setiap orang anak dengan sabar, ikhlas dan kasih sayang sehingga akhir hayat mereka. Walau bagaimanapun, ibu bapa tidak selamanya hidup di dunia kerana menurut statistik jangka hayat warga tua wanita ialah 67 tahun dan 72 tahun bagi lelaki (Bernama, 1.2.2018). Azalinya, prinsip agama Islam menitikberatkan soal hukum dan keadilan dalam perihal kebajikan dan penjagaan ibu bapa, bukan sahaja di bahu anak lelaki bahkan juga anak perempuan. Dalam budaya Melayu, ibu bapa beragama Islam mempunyai pengharapan dan impian yang amat besar untuk menjejakkan kaki ke tanah suci Mekah sebelum meninggal dunia. Keutamaan seorang anak merealisasikan impian ibu bapa mengerjakan haji telah dijelaskan oleh ulama Islam. Seperti Riwayat Imam al-Baihaqi & Ibni ‘Asakir, anak yang berkemampuan bertanggungjawab mengerjakan haji sekiranya ibu bapa telah meninggal dunia semasa hayatnya belum menyempurnakan ibadah tersebut.

“Barang siapa yang mengerjakan ibadah haji bagi kedua ibu bapanya selepas mereka meninggal dunia, maka Allah akan melepaskan dia dari neraka dan kedua ibu bapanya akan memperoleh pahala satu haji yang sempurna tanpa dikurangkan pahala daripada keduanya sedikitpun” (Riwayat Imam al-Baihaqi & Ibni ‘Asakir).

Usaha anak dewasa memberikan bantuan kepada ibu bapa untuk mengerjakan haji semasa ada hayat mereka di dunia merupakan kebajikan yang sangat mulia. Walau bagaimanapun, faktor seperti kos mengerjakan haji dan komitmen terhadap keluarga dijangka mempengaruhi keupayaan anak lelaki dan perempuan untuk memberikan bantuan kewangan kepada ibu bapa mereka. Secara spesifiknya, artikel ini akan mengenal pasti: (a) bantuan wang yang diterima oleh ibu bapa untuk mengerjakan haji; dan (b) perbandingannya berdasarkan gender anak, iaitu lelaki dan perempuan.

PENINGKATAN WARGA TUA DAN FENOMENA MENGERJAKAN HAJI

Peningkatan warga tua merupakan satu fenomena global yang terhasil melalui peningkatan jangka hayat penduduk dan penurunan kadar kelahiran. Di negara maju, warga tua ialah individu yang berumur 65 tahun ke atas, manakala negara membangun seperti di Malaysia menggunakan had umur 60 tahun dan ke atas (World Health Organization, 2018). Sebanyak satu per sepuluh penduduk dunia terdiri daripada warga tua yang berumur 60 tahun ke atas dan dijangka meningkat kepada satu per lima penduduk pada tahun 2050 (Khadijah, 2012). Peningkatan bilangan warga tua di

seluruh dunia telah meningkatkan permintaan terhadap perjalanan khususnya ke Mekah al-Mukarramah untuk menunaikan haji. Di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Kanada, warga tua yang berkemampuan dari segi wang ringgit, menerima wang pencen dan tiada tanggungan anak lebih aktif melakukan perjalanan (Hilderbrand, 2003).

Di Mesir, majoriti jemaah haji melakukan perjalanan sebanyak dua hingga melebihi 40 kali dan sebanyak 15% jemaah haji melakukan ibadah haji sebanyak sekali (al-Qaradhawi, 2013: 801). Di Indonesia, sebahagian besar, iaitu 60% jemaah membiayai perbelanjaan haji dengan menjual tanah dan hanya 24.9% menggunakan wang simpanan (Taqliacozzo, 2013). Statistik di Malaysia pada tahun 2015 menunjukkan daripada 1.8 juta umat Islam yang mendaftar haji, sebanyak 0.01 peratus, iaitu seramai 10 000 orang terdiri daripada warga tua berumur 75 tahun dan ke atas (*Utusan*, 27.11.2015). Menurut Backer (2012), masyarakat Islam kategori miskin melakukan pelbagai kerja bagi mempercukup wang, untuk melakukan ibadah haji sekali seumur hidup mereka.

Seseorang yang berhasrat melakukan perjalanan haji, haruslah mempunyai kemampuan terhadap diri dan keluarga yang ditinggalkan semasa mengerjakan haji sehingga pulang ke rumah. Faktor seperti masa, simpanan wang, harta benda, keselamatan dan kecukupan perbelanjaan untuk anak-anak di bawah tanggungan diambil kira oleh ibu bapa sebelum merealisasikan cita-cita untuk mengerjakan haji (Norizan & Suriati, 2018). Lebih-lebih lagi, ketika anak-anak masih kecil dan bersekolah menjadi tanggungjawab ibu bapa mendahulukan keperluan anak-anak di bawah tanggungan mereka. Stigma masyarakat Melayu beranggapan bahawa apabila anak-anak telah dewasa, bekerja dan berpendapatan merupakan masa yang sesuai untuk ibu bapa menyempurnakan rukun Islam kelima. Walau bagaimanapun, faktor lanjut usia, tahap kesihatan dan pendapatan menjadi permasalahan serius untuk merealisasikan hasrat ke tanah suci. Pada tahun 2017, Lembaga Tabung Haji memberikan keutamaan kepada warga emas yang berumur 70 tahun untuk menunaikan haji (*Utusan Malaysia*, 6.3.2017: 7). Penyelidikan Norizan Musa (2019) mendapati bahawa ibadah haji merupakan satu-satunya perjalanan terpenting masyarakat Melayu sebaik sahaja melepasi usia dewasa, apabila majoriti masyarakat bandar dan luar bandar melakukannya pada usia 55 tahun dan ke atas.

Menurut Lopez (1998), kepercayaan kepada Tuhan, penerimaan ajaran dan perintah-Nya menjadikan agama amat penting dalam kehidupan manusia, dipengaruhi oleh faktor usia, budaya dan memanfaatkan masa terluang. Kreiner (2010) berpandangan bahawa perjalanan agama mempunyai kepentingan yang tinggi untuk kesejahteraan hidup masyarakat sebelum mengakhiri usia tua. Perjalanan berlandaskan agama seperti mengerjakan haji telah membawa kepada perjalanan massa (besar-besaran) masyarakat Islam di seluruh dunia ke Mekah, Saudi Arabia. Perjalanan untuk menunaikan ibadah haji berbeza dengan perjalanan lain yang bersifat peribadi seperti bekerja atau melancong

(Prohatni *et al.*, 2013). Pengembaraan haji atau lebih dikenali sebagai “naik haji” telah mencetuskan fenomena sejak berkurun lamanya. Keupayaan melakukan perjalanan agama mempunyai kepentingan yang tinggi untuk kesejahteraan hidup masyarakat sebelum mengakhiri zaman tua (McDonell, 1990; Kreiner, 2010). Seiring dengan pertambahan penduduk dalam kepelbagaian agama, pendekatan agama berkembang dalam bidang perjalanan (Hudman & Jackson, 2003: 23).

TANGGUNGJAWAB ANAK LELAKI DAN PEREMPUAN TERHADAP IBU BAPA MENGIKUT PERSPEKTIF AGAMA DAN BUDAYA

Peranan dan tanggungjawab anak dewasa terhadap ibu bapa dijadikan sebagai penunjuk sosial yang paling penting dalam budaya masyarakat Melayu. Tenas Effendy (1989) dalam bukunya *Ungkapan Tradisional Melayu Riau* mengiaskan peranan seorang anak melalui susunan kata yang berbunyi:

Pertama anak manusia

Anak yang tahu asal jadinya

Yang tahu membalas guna


Kecil cincilak padi

Besar cincilak padang

Besarnya tegak sembahyang (Tenas Effendy, 1989 dalam *CARI*, 2018).

Suku Melayu Riau menekankan asas pendidikan kekeluargaan yang sangat kuat. Sosiobudaya masyarakat Melayu Riau mempercayai bahawa peranan anak amat berkait rapat dengan keberhasilan atau kegagalan sikap orang tua dalam mendidik anak (Sabakti, 2019: 120).

Pepatah Melayu ada mengatakan, “bagai menatang minyak yang penuh”. Pepatah ini sering digunakan untuk merujuk pengorbanan ibu bapa dalam usaha membesarkan anak-anak selama puluhan tahun. Setelah ibu bapa tua, ibu bapa memerlukan tempat bergantung harap kerana tenaga, fikiran, kesihatan dan wang telah berkurang. Fitrah ibu bapa menginginkan agar anak yang dilahirkannya menjadi manusia yang berguna, dan sebagai tempat bergantung harapan pada hari tua (Zulkifilee, 2000: 50). Namun begitu, belum ada kajian khusus yang meneroka peranan anak-anak dari segi memberikan bantuan berbentuk kewangan kepada ibu bapa ke tanah suci Mekah. Oleh itu, artikel ini akan merungkaikan usaha anak lelaki dan anak perempuan dalam usaha



Rajah 1 Kerangka konseptual kajian.

mencukupkan wang ibu bapa mereka untuk mengerjakan haji, dan perbandingannya berdasarkan gender anak.

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang dibentuk dengan mengambil kira falsafah agama dan falsafah budaya. Bersesuaian dengan objektif kajian, kerangka dibina adalah untuk mengenal pasti perbandingan dan persamaan antara anak lelaki dengan anak perempuan menurut pandangan agama dan budaya. Ibu bapa melakukan pelbagai usaha dan ikhtiar sepanjang membesarkan anak-anak, dengan harapan agar anak-anak membalas jasa mereka. Anak dewasa sama ada lelaki atau perempuan mempunyai usaha yang berbeza terhadap ibu bapa mereka, lebih-lebih lagi dalam konteks memberikan bantuan berupa wang bagi tujuan ibu bapa mengerjakan haji. Konsep “syurga anak di bawah tapak kaki ibu” menjadi pegangan masyarakat di bandar mahupun luar bandar, iaitu anak bertanggungjawab menjaga kebajikan ibu bapa mereka sehingga akhir hayat (Khadijah, 2012). Sebagai orang Islam, falsafah agama menjadi teras, kepercayaan, pegangan, amalan serta ikutan ketika menjalani kehidupan seharian. Norma dalam budaya masyarakat sehingga kini telah meletakkan tanggungjawab yang lebih kepada anak lelaki untuk berbakti kepada ibu bapa. Rentetan

itu, konsep “syurga anak lelaki di telapak kaki ibu sampai bila-bila”, manakala “syurga seorang wanita setelah bergelar isteri adalah pada suami” sentiasa menjadi pegangan masyarakat Melayu sejak dahulu sehingga kini (rujuk Rajah 1).

Tanggungjawab anak terhadap ibu bapa terbahagi kepada dua, iaitu tanggungjawab semasa ibu bapa masih hidup dan selepas meninggal dunia (Khadijah, 2007: 58; Tuah Iskandar, 2010:158). Berteraskan ketetapan agama, keistimewaan dan kekuatan anak lelaki adalah berbeza dengan anak perempuan. Dalam segenap perkara, kaum lelaki berkepentingan dan diutamakan, iaitu sebagai suami, ketua keluarga dan wali (dalam urusan nikah kahwin melibatkan anak, adik-beradik perempuan dan keturunannya), pewaris harta dan keturunan. Sebagai contohnya, masyarakat Melayu Islam amat memandang serius tentang harta dan keturunan, seperti firman Allah dalam *Surah an-Nisa* ayat 7, iaitu Islam telah mensyaratkan bahagian anak lelaki bagi pembahagian harta pusaka (faraid) menyamai dua bahagian anak perempuan (*Berita Harian*, 8.9.2014). Dalam pelbagai budaya dan keturunan, kehadiran seorang anak lelaki amat dinantikan sebagai penyambung legasi dan penguat semangat keluarga.

Dalam semua masyarakat Asia dan Barat, anak dewasa mempunyai peranan, tugas dan tanggungjawab sosial mahupun ekonomi terhadap ibu bapa mereka. Ajaran Konfusianisme bagi masyarakat China tradisional berpegang pada konsep *filial piety*, iaitu penghormatan kepada ibu bapa (Ho, 1987; Gans & Silverstein, 2006). Bagi mempertahankan kelangsungan kehidupan, orang Cina lebih mengharapkan untuk memiliki zuriat anak lelaki. Begitu juga dengan budaya Melayu, tanggungjawab filial boleh dilihat semasa ibu bapa masih hidup dan selepas kematian ibu bapa. Dalam budaya Baba dan Nyonya misalnya, anak lelaki dihantar ke China untuk menuntut ilmu, manakala anak perempuan tinggal bersama-sama ibu di rumah (Abu Talib Ahmad, 2012). Dalam budaya Melayu, anak lelaki berperanan sebagai pelindung keluarga, dilatih dan diajar ilmu persilatan, pertukangan dan, menangkap ikan. Anak perempuan pula digalakkan melakukan kerja-kerja orang perempuan seperti memasak dan mengemas rumah. Suriati (2018) menemui pemodenan dan globalisasi telah melahirkan transformasi perempuan dewasa dalam arena pekerjaan.

Pada pengamatan penulis, sasaran dan harapan ibu bapa dalam budaya masyarakat Melayu, Cina mahupun India adalah sama, iaitu mendapatkan produk daripada anak. Hal ini bermaksud anak perlu memberikan semula sumbangan kepada ibu bapa. Seorang anak dewasa mesti membalas jasa ibu bapa dengan pemberian, perbelanjaan dan tenaga. Penghormatan yang tinggi terhadap kehadiran anak lelaki dalam sistem sosial orang Melayu dan orang Cina tidak banyak bezanya, iaitu anak lelaki bertanggungjawab sebagai pewaris keturunan, pewaris harta dan kekayaan keluarga. Sebagai contohnya, pegangan terhadap ajaran Konfusianisme mementingkan ketaatan kepada ibu bapa dan penghormatan kepada orang yang lebih tua serta kepentingan menjaga keturunan

(Ann, 2006:40; Yu & Mansfield, 1990). Sejak kecil anak-anak orang Cina diajar berdikari seperti berniaga untuk menjadi kaya dan membalas jasa dan pengorbanan ibu bapa. Hal ini berbeza jika dibandingkan dengan orang Melayu yang menghantar anak-anak ke sekolah dengan harapan anak mereka dapat bekerja makan gaji. Dengan kekayaan, keluarga akan hidup senang dan inilah cara orang Cina membalas jasa ibu bapa mereka. Prinsip hidup orang Melayu pula adalah dengan bekerja makan gaji, nasib keluarga dan ibu bapa terbela sekali gus mengubah nasib ibu bapa yang hidup miskin. Walaupun orang Melayu tidak menekankan anak mesti menjaga ibu bapa apabila tua, menurut Shahril (2005) dan Norizan (2012), warga tua khususnya yang berpendidikan rendah, tiada pendapatan dan miskin lebih bergantung pada sumber bantuan daripada anak-anak.

Lantaran itu, kehadiran anak-anak amat penting untuk ibu bapa mendapatkan pelbagai bentuk sokongan. *Kamus Dewan* mendefinisikan sokongan sebagai perbuatan memberikan bantuan kebendaan dan bukan kebendaan, manakala sosial diistilahkan sebagai segala yang berkaitan dengan masyarakat (*Kamus Dewan*, 2005: 1513 & 1518). Terdapat beberapa bentuk sokongan seperti bantuan kewangan, kemudahan, keperluan harian, harta benda dan sokongan emosi (Taylor, 1993; Mohd Razali, 2004). Senario di Malaysia membuktikan kebanyakan keluarga masih berpegang kuat pada nilai dan budaya, maka anak-anak yang sudah dewasa termasuk yang berpendapatan rendah bertanggungjawab memberikan sokongan kepada ibu bapa (Ajrouch, 2005). Akan tetapi bentuk bantuan anak-anak tersebut berbeza-beza. Cantor & Brennan (2000: 88) menegaskan bahawa anak lelaki ialah saluran utama untuk ibu bapa yang tinggal di bandar mendapatkan bantuan kewangan. Ibu bapa memerlukan bantuan anak perempuan dalam aspek bukan material, iaitu pengaturan kehidupan termasuklah penjagaan harian (seperti mencuci pakaian, memasak dan mengemas rumah) dan sokongan emosi (Norizan, 2012; Khadijah, 2012:58; Heenan, 2000). Artikel ini bertujuan untuk memahami pengalaman ibu bapa untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada anak lelaki dan anak perempuan untuk mengerjakan haji dan perbandingan dapatan kajian melalui pendekatan kualitatif.


METODOLOGI KAJIAN KUALITATIF

Kajian lapangan dijalankan pada Mac 2019. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu penerokaan yang dikumpulkan melalui temu bual mendalam dan pemerhatian ikut serta, kemudian dicatatkan sebagai nota lapangan (*field notes*). Pengumpulan maklumat melalui kaedah kualitatif semakin mendapat tempat dan dipertahankan dalam kalangan pendukung geografi manusia dan sosial. Kaedah temu bual secara mendalam mementingkan kualiti hasil dapatan responden kerana mewujudkan hubungan

yang rapat antara penyelidik dengan responden, dan meningkatkan kesahihan suatu maklumat yang ingin diperoleh (Patton, 2015). Oleh itu, dalam kajian ini metode kualitatif digunakan, iaitu penulis memegang dua peranan, sebagai pengkaji dan pembaca (Colonius, 2014). Aspek yang perlu “ditafsirkan” oleh pengkaji ialah pandangan darat, rekod bertulis dan peta (Suriati & Colonius 2008). Kaedah kualitatif mempunyai kelebihan kepada penyelidik dalam memperoleh maklumat yang tepu, menginterpretasikan fenomena sebenar dan pengalaman responden di kawasan kajian (Gubrium, 1988; Gubrium & Holstein, 2002).

Sepuluh (10) orang responden telah ditemu bual secara mendalam, menggunakan kaedah persampelan pemilihan bertujuan (*purposive sampling*). Justifikasi pemilihan persampelan bertujuan berdasarkan beberapa kriteria telah ditetapkan oleh penulis dalam pemilihan responden, iaitu responden mestilah (1) warga tua Melayu yang telah mengerjakan haji; (2) berstatus ibu atau bapa, (3) berumur 60 tahun dan ke atas dan; (4) mempunyai anak lelaki dan anak perempuan dewasa. Kesemua responden menetap di kampung daripada pelbagai tahap, dari segi kesihatan dan latar belakang sosioekonomi, merangkumi berpendapatan rendah, masih bekerja, mempunyai tanggungan dan mempunyai wang pencen. Temu bual untuk seorang responden mengambil masa selama 2 hingga 3 jam dan memerlukan penulis berulang kali mendapatkan responden yang sama sehingga maklumat diperoleh tepu, lengkap dan telus daripada responden. Miles, Huberman dan Saldana (2014) dan Suriati dan Colonius (2008) merumuskan bahawa kaedah kualitatif amat sesuai untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia kerana pengumpulan data memerlukan jangka masa yang panjang di lapangan serta dikaji dengan teliti yang mengajak pengkaji berfikir secara realistik, mantap dan kreatif tentang responden dengan penuh imaginasi.

Kajian dijalankan di sebuah kampung yang terletak di bandar, iaitu Kampung A. Kedudukan kampung ini kira-kira 1 kilometer (km) dari pusat bandar Jajahan Kota Bharu, Kelantan (Rajah 2). Justifikasi pemilihan Kampung A adalah kerana kampung ini merupakan kampung Melayu lama memudahkan penulis mendapatkan responden dalam kalangan warga tua. Selain itu, kedudukan kampung ini berada dekat dengan pusat maklumat haji seperti Pejabat Lembaga Tabung Haji (LTH), Tabung Haji Travel and Services dan agensi perkhidmatan haji amat mustahak bagi menentukan peranan anak perempuan dan anak lelaki dalam usaha merealisasikan impian ibu bapa mengerjakan haji. Pelbagai kemudahan telah memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat daripada responden dan pihak Lembaga Tabung Haji negeri Kelantan berbanding kampung-kampung lain dalam Mukim Kota.



Rajah 2 Peta kampung Kampung A yang terletak dalam Jajahan Kota Bharu Kelantan.
(Sumber: Dihasilkan dari *Geography Information System (GIS)*)

Penerokaan dan temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) dilakukan kepada semua responden, iaitu sepuluh (10) orang. Tujuannya adalah untuk mendengar suara dan keluh kesah daripada warga tua agar tiada golongan yang terpinggir. Keupayaan penulis mendekati orang yang lebih lama dan berpengalaman seperti warga tua atau warga emas dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan pepatah Melayu yang berbunyi “warga tua disantuni, yang muda disayangi”. Temu bual dimulakan dengan soalan sepertimana berikut:

Berdasarkan pengalaman yang anda lalui, ceritakan usaha yang telah dilakukan oleh anak lelaki dan anak perempuan anda dalam bentuk bantuan kewangan sehingga impian anda untuk mengerjakan haji tercapai.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden (9 orang atau 90%) merupakan ibu bapa yang telah mengerjakan haji ketika anak-anak dewasa, bekerja dan berkahwin. Hanya seorang responden melakukannya ketika anak-anak masih kecil disebabkan kecukupan wang perbelanjaan dan mendapat sokongan berbentuk perkhidmatan daripada ahli keluarga, iaitu ibu dan adik-beradik, khususnya untuk menjaga dan menguruskan anak-anak kecil sepanjang tempoh mereka berada di tanah suci. Seramai enam orang responden perempuan, manakala empat orang lagi responden lelaki.

Dari aspek pekerjaan, 70% responden, iaitu tujuh orang bekerja secara tidak formal dan berpendapatan tidak tetap. Tiga orang responden lagi tidak bekerja. Pendapatan mereka diperoleh daripada pemberian anak-anak dan (Bantuan Orang Tua (BOT). Kesemua responden berpendapatan di bawah garis kemiskinan, namun hanya seorang menerima bantuan wang daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Majoriti responden kajian ini tinggal di rumah milik sendiri dan seramai tiga orang masih menyewa di kawasan setinggan yang mungkin akan dirobuhkan oleh pihak pemaju, manakala seorang responden lagi menumpang di tanah jiran.

Dari aspek pendidikan, enam orang responden pada peringkat sekolah rendah, dua pada peringkat SPM, dan seorang pada peringkat PMR dan hanya seorang tidak mempunyai pendidikan formal. Kesemua responden, iaitu warga tua kajian ini telah menerima pendidikan secara tidak formal daripada ibu bapa dan guru agama ketika mereka masih kanak-kanak lagi. Majoriti responden menunjukkan usaha, kesungguhan dan ikhtiar pada usia tua untuk mendalami ilmu agama seperti belajar tata tertib bacaan dalam solat dan membaca al-Quran. Jarak rumah responden yang dekat dengan surau dan madrasah memudahkan responden mendalami ilmu agama, sebagai persediaan untuk menghadapi kematian dan persediaan awal ke Mekah.

Perbincangan selanjutnya berkisar tentang bentuk-bentuk sumbangan wang daripada anak lelaki dan anak perempuan untuk ibu bapa mengerjakan haji. Sekali gus menjelaskan perbandingan dan persamaannya berdasarkan gender anak. Kajian pengalaman sebenar ibu bapa yang telah mengerjakan haji menemui empat bentuk sumbangan wang yang diterima daripada anak-anak dewasa (lelaki dan perempuan), iaitu menyalurkan bantuan wang secara bulanan dan berkala, persepakatan anak-anak berkongsi wang, membiayai kos pendaftaran haji, dan membiayai keseluruhan kos mengerjakan haji termasuk perbelanjaan semasa berada di tanah suci, Mekah sehingga pulang ke rumah. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi kekerapan dan jumlah sumbangan wang mengikut jantina anak (anak lelaki dan anak perempuan), yang dijelaskan satu per satu dalam Jadual 1.

Jadual 1 Bentuk bantuan wang anak lelaki dan anak perempuan dan sumbangannya untuk ibu bapa mengerjakan haji.

Tema	Anak perempuan	Anak lelaki
1. Bantuan wang secara bulanan dan berkala	<p>- Anak perempuan yang bekerja memberi bantuan secara tetap dan berkala. Jumlah wang yang diberikan adalah antara RM300 hingga RM400 setiap bulan.</p> <p>-Anak perempuan dewasa yang telah mendirikan rumah tangga dan tidak bekerja kurang menyumbang.</p>	<p>- Anak lelaki bujang yang bekerja memberi bantuan bulanan secara tidak tetap. Jumlah wang bulanan yang disumbangkan adalah antara RM50 hingga RM200.</p> <p>-Anak lelaki yang bekerja, berpendapatan lumayan dan mendirikan rumah tangga memberikan wang dalam jumlah yang banyak (RM500 hingga RM2000) namun diterima sekali atau dua kali sahaja.</p>
2. Persepakatan anak-anak berkongsi wang	Majoriti disumbangkan oleh anak perempuan yang bekerja dan berpendapatan tetap. Kebiasaan berlaku bagi ibu bapa yang mempunyai anak perempuan sulung.	Anak lelaki yang bekerja memberikan bantuan apabila dicadangkan oleh adik-beradik yang lain.
3. Membayar kos pendaftaran haji	Kebanyakan anak perempuan yang bekerja dan berpendapatan tetap lebih cakna (peka) dan memahami.	Kebanyakan anak lelaki yang sudah berkahwin mendahului kebajikan isteri dan anak-anak di bawah tanggungan; tanggungan anak yang ramai; pendapatan tidak tetap; kurang sokongan daripada isteri.
<p>(4) Membiayai keseluruhan kos mengerjakan haji, merangkumi:</p> <p>(i) Kos menyediakan/ membeli barangan kelengkapan haji (seperti beg bagasi, pakaian, telefon bimbit, ubat-ubatan, kamera, jam tangan, selipar, dan barangan peribadi).</p> <p>(ii) Perbelanjaan sepanjang tempoh berada di tanah suci sehingga pulang ke rumah.</p>	Anak perempuan yang bekerja dan berpendapatan tetap paling menyumbang.	<p>Kebanyakan anak lelaki apabila mendirikan rumah tangga mempunyai pelbagai komitmen terhadap keluarga (isteri, anak, ibu bapa dan mertua).</p> <p>-Kebanyakan anak lelaki kurang sokongan daripada isteri, terutama dalam aspek kewangan.</p>

Berdasarkan Jadual 1, kebanyakan responden mempunyai anak perempuan yang bekerja secara formal dan berpendapatan tinggi menyebabkan seramai 70% (tujuh orang) responden telah menerima bantuan wang bulanan secara tetap dan berjaya menyimpan sebahagiannya untuk menunaikan haji. Dapatan ini menyamai kajian terdahulu yang menemui warga tua yang miskin dan tidak mempunyai pendapatan lebih menerima sokongan sosial dalam bentuk kewangan daripada anak-anak (Chow, 2000; Majoriti ibu bapa menerima bantuan wang bulanan sebanyak RM50 hingga RM300 sebulan bergantung pada taraf perkahwinan serta latar belakang sosioekonomi anak lelaki dan anak perempuan. Sosioekonomi dalam kajian ini merangkumi latar belakang pekerjaan, pendapatan, bilangan anak, jumlah tanggungan dan pekerjaan anak dan pasangannya.

Dari segi membiayai keseluruhan kos untuk ibu bapa mengerjakan haji, majoriti responden menerima pembiayaan daripada anak perempuan yang telah bekerja, berpendapatan tetap dan lumayan serta mempunyai saiz keluarga yang kecil dengan bilangan anak seramai satu hingga dua orang. Bantuan keseluruhan kos perjalanan haji melibatkan sukarela dan inisiatif anak menguruskan kesemua urusan haji ibu bapa, iaitu membuka akaun bank Tabung Haji, mendaftar haji, menyimpan wang melalui pemotongan gaji bulanan sehingga mencukupi, menunggu giliran haji, menerima panggilan haji, berangkat ke tanah suci sehingga selesai mengerjakan haji dan pulang ke rumah. Dalam proses menunggu panggilan haji, majoriti anak perempuan yang berkemampuan wang (bekerja dan berpendapatan tetap) menyumbangkan peranan tambahan dengan mendaftarkan ibu bapa untuk mendalami ilmu agama di pondok sehingga ibu bapa mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk ke tanah suci, Mekah. Majoriti responden bersependapat bahawa anak perempuan lebih prihatin dan memahami hasrat ibu bapa untuk mengerjakan haji, apabila kebanyakan responden telah menerima pembiayaan kos pendaftaran dan kos mengerjakan haji daripada anak perempuan yang bekerja dan berpendapatan tetap. Hanya seorang responden menerima tajaan sepenuhnya daripada anak sulung lelaki yang bekerja sebagai doktor perubatan di hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, kesemua mereka turut menerima bantuan wang bulanan secara tetap dan berkala daripada anak perempuan dan anak lelaki yang bekerja dan berpendapatan tetap. Menurut Responden 1 (perempuan, 70 tahun):

Pitis anak jatey kijo cikgu tue bui bulan-bulan 50 rial tapi habis wat belanja beli barang dapur. Anak tino bongsu makcik hok kijo pegawai kerajaan urus dan biaya kos makcik tunai haji.

Maksudnya: Wang pemberian anak lelaki yang bekerja sebagai guru diterima sebanyak RM50 pada setiap bulan, namun sekadar menampung perbelanjaan

barangan dapur sahaja. Anak bongsu perempuan bekerja sebagai pegawai kerajaan telah mengurus dan membiayai kesemua kos haji, membolehkan makcik mengerjakan haji.

Dapatan kajian ini telah berjaya membuktikan kekuatan pendidikan, ekonomi dan gender anak-anak telah membantu ibu bapa membiayai kos perbelanjaan haji menggunakan wang yang diterima secara sekali gus (*lump sum*).

Dalam sebuah keluarga Melayu seperti kajian ini, hanya minoriti responden mempunyai anak lelaki yang berpendidikan tinggi, bekerja dan berpendapatan lumayan. Walaupun begitu, anak lelaki bagi kategori ini lebih cenderung menghulurkan wang dalam jumlah yang lebih besar berbanding anak perempuan. Jumlah wang yang disumbangkan oleh anak lelaki adalah antara RM500 hingga RM2000, bergantung pada keperluan ibu bapa. Namun begitu, pemberian wang dalam jumlah yang besar tidak tetap dan tidak berkala pada setiap bulan. Menyelusuri penceritaan semula berdasarkan pengalaman responden, kekerapan anak lelaki memberikan wang tersebut sebanyak 1 hingga 2 kali sahaja dalam seumur hidup mereka. Menurut Responden 2 (lelaki, 106 tahun):

Anok jatey, bui pitis ko pokcik mulo. Adola...dalam RM500., pokcik wat bayar ansuran keto. Pah senggey setahun pulopla dio bui. Nak-nak kali raya poso memey dio bui pitis pokcik, bui ko mokcik, adalah dalam RM100.

Maksudnya: Anak lelaki memberikan wang kepada responden suatu ketika dahulu, iaitu sebanyak RM500. Selepas satu tahun berikutnya, anak lelaki memberikan lagi wang kepada responden. Setiap kali perayaan Aidilfitri, anak lelaki memberikan wang kepada responden dan isterinya iaitu sebanyak RM100 setiap seorang.

Seorang lagi mengatakan, iaitu Responden 5 (perempuan, 85 tahun):

Anak jatey hok nombor dua kijo cikgu, ada anak ramai tokdey nok bui lebih, jarey-jarey sekali dio builah pitis wat beli barang dapur, RM50. Anak jatey tokdey pitis nok tolong mokcik sebab bini tok kijo, pah anak-anak pulok rama.

Maksudnya: Anak lelaki yang kedua bekerja sebagai guru di sekolah berdekatan dengan rumah responden. Kadang-kadang anak lelaki memberikan wang supaya makcik beli barang dapur, iaitu sebanyak RM50. Anak lelaki tiada kecukupan wang untuk bantu makcik kerana isteri tidak bekerja dan anak-anak sekolah yang ramai.

Kajian turut menemui, wang yang diberikan oleh anak lelaki kurang menyerlah sumbangannya kepada ibu bapa untuk membiayai kos mengerjakan haji, namun

sumbangannya berjaya meringankan kehidupan ibu bapa seperti menampung keperluan harian, membeli kelengkapan rumah, membaiki rumah, membayar insurans kereta, dan menampung perbelanjaan kenduri. Responden 8, misalnya, pada tahun 2000, anak lelaki pernah memberikan bantuan wang secara tunai sebanyak RM1000. Wang tersebut digunakan untuk menampung kos kenduri perkahwinan anak perempuan responden. Responden 8 telah mengerjakan haji menggunakan wang simpanan sendiri dan pemberian wang secara tetap daripada anak perempuan. Menurut Responden 8 (perempuan, 60 tahun):

Dulu pernahlah satu kali anak jatey bui pitis RM1000, ketika nok nikoh adik dio (anak tino mokcik). Pah, anak jatey hok sorey pulak lagi, pernah bui pitis mokcik RM 1000 lebih supaya mokcik wat beli mesin basuh, mesin basuh punoh. Tapi gak sekali tu jahla dio bui nyo, dua-dua ore anak jatey bulan-bulan memey takdop ulur ko mokcik.

Maksudnya: Suatu ketika dahulu, pernah anak lelaki yang bekerja sendiri, dia berikan duit RM1000 pada makcik untuk kegunaan majlis perkahwinan adiknya (anak perempuan makcik). Kemudian, seorang lagi anak lelaki pernah berikan wang kepada makcik sebanyak RM1000 lebih supaya makcik beli mesin basuh, sebab mesin basuh rosak. Tapi, hanya sekali sahaja anak lelaki beri. Kedua-dua anak lelaki makcik tidak berikan wang setiap bulan.

Minoriti responden hanya menerima wang sekali sahaja daripada anak lelaki mereka dan segelintir responden tidak menerima apa-apa bantuan wang daripada anak lelaki. Hal ini berlaku kerana anak lelaki mereka tidak bekerja dan tiada pendapatan tetap. Segelintir responden meluahkan perasaan kurang berpuas hati dengan bantuan wang yang diberikan oleh anak lelaki yang bekerja dan berpendapatan lumayan. Keadaan ini melahirkan pandangan yang berbeza mengikut jenis jantina anak. Responden kajian ini berpandangan bahawa anak lelaki yang berkemampuan wang ringgit namun sudah berkeluarga dikatakan terlalu berkira dan terlalu mengutamakan kebajikan anak, isteri dan keluarga isteri. Keadaan ini menyebabkan ketidakselesaian ibu bapa untuk menumpang senang anak lelaki pada hari tua, lebih-lebih lagi ketidakserasian antara ibu bapa dengan menantu perempuan. Dapatan kajian ini membuktikan majoriti responden amat selesa menerima apa-apa pemberian dan bantuan daripada anak perempuan, berbanding anak lelaki. Malahan, kebanyakan responden wanita mempunyai pengalaman menjaga cucu daripada anak perempuan. Seorang responden, iaitu Responden 3 (perempuan, 78 tahun) mengakui:

Anak jatey kalu dah ada anak bini susahla sikit nak bui lebih ko mok ayah lebih-lebih lagi perihal bui pitis., Ermm..apatah lagi nok tanggung semua kos gi Mekah. Tambang haji makin mahal loni, kalu takdop pitis sendiri dan anak-anak bantu payahla nok sapa sana.

Maksudnya: Anak lelaki yang sudah beristeri dan mempunyai anak, agak sukar untuk menyalurkan bantuan berbentuk wang ringgit. Apatah lagi untuk menampung keseluruhan kos mengerjakan haji. Responden berpandangan, kos haji semakin mahal, jika tiada wang simpanan sendiri dan bantuan daripada anak-anak, dikatakan sukar untuk ke Mekah.

Responden 6 (perempuan, 63 tahun) pula meluahkan perasaannya:

Ermm.., anak jatey lagutulah..jarey-jarey dio builah. Nok crita pasal kelebihan ni, anak jatey bui pitis tapi gak bukey sokmo-sokmo. Tapi kalu anak tino hok sulunglah duk saro moksik-poksik, adik-adik dio jak dulu sapa loni, amik berat, sokmo beli barey dapur, beli baju, bawa tubik makey, belanja makan, wat mari makanan tak kirolah masok ko beli sokmo-sokmolah dio wat mari. Ringey banyokla moksik poksik lepas anak sulung kijo. Pah anak tino hok lain-lain pun lagutulah. walau ado anak tino sorey hok tok kijo, jarey dio ulur pitis tapi dio mari smacey rumah bawa makanan, tolong moksik, amik berat, nelepon sokmo, amk gi ata moksik nok g wat urusan bank. Dio blako lah duk amik berat urusan moksik nok g haji, dari mula sapa akhir. Pah loni pun anak tino banyakla duk bantu moksik.

Maksudnya: Anak lelaki memberi bantuan wang secara tidak tetap dan kadang-kadang sahaja. Berbanding dengan anak perempuan, anak perempuan sulung begitu banyak kelebihannya seperti menyara adik-adik sejak dahulu sehingga kini, mengambil berat, selalu membeli barang dapur, membeli pakaian kepada ibu bapa dan adik-adik, membawa makanan dengan kerap. Responden berasa lega setelah anak sulung perempuan bekerja. Kemudian, anak perempuan yang lain juga mempunyai karakter yang sama. Walaupun ada anak perempuan yang tidak bekerja namun anak perempuan sentiasa cakna seperti bawa makanan yang telah dimasak, kerap telefon, menemani responden membuat urusan bank. Bagi urusan pergi haji, anak-anak perempuan lebih cakna menguruskannya dari awal hingga akhir. Sehingga kini, anak sulung perempuan setia membantu responden.

Keterangan Responden 3 dan Responden 6 amat bersesuaian dengan pandangan Eagly & Kite (1987) yang menyatakan bahawa lelaki tercipta sebagai seorang yang lebih berkarakter agresif, arogan, mementingkan diri dan tidak gemar menonjolkan diri. Pada pengamatan penulis, anak lelaki mempunyai tanggungjawab utama yang

pelbagai dalam institusi keluarga, iaitu sebagai ketua keluarga dan penyara keluarga, iaitu anak, isteri dan ibu bapa.

Majoriti responden berpandangan, anak perempuan yang bekerja dan berpendapatan tetap lebih bermurah hati membelanjakan wang tambahan kepada ibu bapa untuk membeli barangan keperluan harian, membayar bil telefon, bil elektrik, membeli pakaian dan bersedekah. Tambahan lagi, anak perempuan lebih peka terhadap kepentingan persediaan agama untuk ibu bapa ke Tanah Suci, Mekah. Anak perempuan lebih cakna terhadap keperluan wang dan keperluan emosi untuk ibu bapa pada usia tua dengan cara membantu ibu bapa mendapatkan guru agama dan membayar yuran kelas agama secara persendirian untuk ibu bapa belajar di rumah. Secara tidak langsung, meningkatkan keyakinan ibu bapa untuk menunaikan fardu haji. Menurut Responden 4 (perempuan, 65 tahun):

Anok sulung tino, kijo pengurus bank di Kuala Lumpur. Diolah hok suruh mokcik gi wat haji dan dio nok sponsor belako. Dio hok urus blako, start dari buku buku bank Tabung Haji sapalah boleh wat haji. Pitis poket maso duk Mekah dio urus blako. Anok hok jatey tok tahu menahu nok urus lagumano. Anok hok jatey nikoh ada bini, 2 ore anok duk sekali dengan mokcik. Kakok dio duk bantu sedikit sebanyak dio anak beranak.

Maksudnya: Anak sulung perempuan bekerja sebagai pengurus bank di Kuala Lumpur. Anak perempuan tersebut menggesa makcik (responden) supaya mengerjakan haji dan akan membiayai kesemuanya. Anak perempuan mengurus semuanya, iaitu bermula daripada membuka buku akaun Tabung Haji sehinggalah berjaya mengerjakan haji. Wang saku sepanjang berada di Mekah diuruskan oleh anak perempuan. Anak lelaki tidak tahu cara menguruskannya. Anak lelaki tunggal berkahwin, isterinya berserta dua orang anaknya tinggal bersama-sama makcik. Anak lelaki yang nombor dua pula bekerja sebagai guru mempunyai tanggungan anak sekolah tidak berkemampuan untuk memberikan wang yang lebih. Kekadang anak lelaki tersebut menghulurkan wang sebanyak RM50 untuk membelikan barang dapur.

Penemuan kajian ini mempersembahkan kategori bantuan yang diterima oleh ibu bapa kepada dua bahagian, iaitu bantuan daripada anak lelaki dan anak perempuan. Pembahagian ini menjelaskan perbezaan dan persamaannya dari segi sokongan dan bantuan yang diterima oleh ibu bapa seperti responden kajian ini. Data ini boleh digunakan untuk memastikan sokongan sosial berbentuk material dan bukan material diutamakan oleh anak-anak bagi tujuan merealisasikan impian ibu bapa mengerjakan haji. Faktor jarak dan lokasi mendorong ibu bapa lebih selesa meminta bantuan daripada

anak perempuan berbanding dengan anak lelaki. Buktinya, Responden 6 mempunyai tiga orang anak perempuan dan dua orang anak lelaki yang masing-masingnya tinggal berdekatan dengan rumah responden (jarak kurang dari 3 km). Selain kewangan, bantuan yang diperlukan oleh responden wanita termasuklah sokongan bukan kewangan seperti menghantar dan menjemput ke kelas agama di pondok pada setiap hari Jumaat, menghadiri kursus haji, membeli barangan kelengkapan haji, mengambil alih tanggungjawab menjaga keselamatan rumah, harta benda dan haiwan ternakan sewaktu ibu bapa berada di tanah suci.

KESIMPULAN

Dirumuskan bahawa sumbangan besar anak perempuan terhadap kebajikan ibu bapa adalah dari sudut material dan bukan material. Sumbangan anak lelaki pula lebih banyak dalam bentuk material. Gabungan sokongan material dan bukan material amat mustahak untuk meringankan beban yang ditanggung oleh ibu bapa dalam mencukupkan wang dan persediaan bukan material untuk mengerjakan haji. Hasil kajian ini menemui pemberian wang daripada anak dewasa hanya wujud setelah anak-anak bekerja dan berpendapatan tetap. Fenomena ini bersesuaian dengan rumusan Cantor & Brennan (2000) bahawa warga tua menerima bantuan wang daripada anak-anak setelah mereka bekerja. Hasil kajian ini mendapati bahawa jenis bantuan yang diberikan oleh anak-anak kepada ibu bapa ialah bantuan wang secara bulanan dan berkala, membeli atau menyediakan barangan keperluan harian (seperti makanan dan pakaian), membiayai kos pendaftaran dan kos mengerjakan haji, termasuklah kos perbelanjaan diri dan perubatan sepanjang tempoh berada di tanah suci sehingga pulang ke rumah. Daripada kajian, ibu bapa mendapat banyak bantuan kewangan daripada anak perempuan khususnya yang mempunyai saiz keluarga yang kecil, bekerja dan berpendapatan tetap. Kajian ini telah menyumbang kepada pengetahuan tentang kepentingan sumbangan anak-anak terhadap ibu bapa dalam konteks merealisasikan hasrat mereka untuk menunaikan rukun Islam kelima, iaitu mengerjakan haji ke Mekah. Kajian ini juga telah memperkaya maklumat berkaitan dengan keutamaan perjalanan ibadah dalam kalangan warga tua Islam Melayu.

PENGHARGAAN

Jutaan dan terima kasih kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM kerana telah membiayai sebahagian daripada penyelidikan ini melalui Geran Penyelidikan RU-Team (USM) yang bertajuk '*Spatial Inequalities: Framing Phenomena, Formulating Policies*' (No Akaun: 1001/PHUMANITI/856002).

RUJUKAN

- Abu Talib Ahmad. (2012). *Utara Semenanjung Malaysia. Esei-esei warisan*. Universiti Sains Malaysia.
- Aiza Maslan @ Baharudin. (2016). Peranan Lembaga Tabung Haji untuk meningkatkan ekonomi dan perkhidmatan haji orang Melayu 1969-1984. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 9(2), 157-176.
- Ajrouch, K.J. (2005). Arab-American Immigrant elders view about social support. *Journal: Ageing & Society*, 25(5), 650-672.
- Ann, W. S. (2006). *Rahsia bisness orang Cina*. Perpustakaan Negara Malaysia, 40.
- Backer, K. (2012). From MTV to Mecca. How Islam inspired my life. Awakening Publications.
- Berita Harian*. (8.9.2014). Soal Jawab Isu Keluarga: Selesai semua tuntutan sebelum harta difaraid.
- Bernama*. (1.2. 2018). Populasi warga tua dijangka meningkat kepada 5.6 juta menjelang 2030.
- Cantor, M.H., & Brennan, M. (2000). Social care of the elderly: The effects of ethnicity, class and culture. Springer.
- CARI*. (8.11.2018). Forum> Belia & Informasi> Buku & Kesusasteraan: Kepentingan Sastera dalam Kehidupan. <http://mv1.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=1131921&extra=&ordertype=2&obile=2>
- Chow, N.W.S. (1992). Hong Kong: Community care for elderly people. Phillips, D.R(Ed.). *Ageing in East and South-East Asia*. Edward Arnold.
- Colonus Atang. (2014). *Unsur-unsur sosiobudaya dalam geografi kesihatan: Satu kajian menghadapi kanser dalam kalangan orang Melayu di Pulau Pinang dan Kedah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan: Universiti Sains Malaysia.
- Eagly, A.C. & Kite, M.E. (1987). Are stereotypes of nationalities applied to both women and men? *Journal of personality and socio psychology*, 53(451), 69-84.
- Gabrium & Holstein. (2002). *Handbook of interview research: Context and method*. Thousand Oaks: Sage.
- Gans, D., & Silverstein, M. (2006). Norms of filial responsibility for aging parents: Across time and generations. *Journal of Marriage and Family*, 68, 961-976.
- Gubrium, J. (1988). *Analyzing Field Reality*. Sage.
- Heenan, D. (2000). Informal care in farming families in Northern Ireland: Some considerations for social work. *British Journal of Social Work*, 30(6), 855-866.
- Hildebrand, E. D. (2003). Dimensions in elderly travel behavior: A simplified activity-based model using lifestyle clusters. *Journal Transportation*, 30(3), 285-306.
- Ho, K.S. (1987). *Determinant of ideology of elderly care in the changing rural Chinese*. Hong Kong: The Chinese University of Hong Kong.
- Hudman, L.E., & Jackson, R. H. (2003). *Geography of travel & tourism*. Thomsom Delmar Learning.

- Kamus Dewan*. (2005). Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Alavi. (2007). Pengalaman anak dewasa berpendapatan rendah yang menjaga ibu bapa tua: Satu pendekatan berteraskan pendidikan komuniti (The experience of adult children caring for elderly parents: A community education approach). *Kajian Malaysia*, XXV(2), 55-74.
- Khadijah Alavi. (2012). *Dilema penjagaan ibu bapa tua*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kreiner, N.C. (2010). The geography of pilgrimage and tourism: Transformations and implications for applied geography. *Applied Geography*, 30(1), 153-164.
- Lembaga Tabung Haji Malaysia. (2018). *Istito'ah kemampuan untuk tunai haji*. Lembaga Tabung Haji. www.tabunghaji.gov.my.
- Lembaga Tabung Haji Malaysia. (2020). *Kos haji dan bayaran*. Lembaga Tabung Haji.
- Lopez, D. R. (1998). Belief. Taylor, M.C. (Ed.), *Critical terms for religious studies*. University of Chicago, 21-34.
- McDonnell, M.B. (1990). Pattern of Muslim Pilgrimage from Malaysia 1885-1985, dalam Eickelman, D.F., dan Piscatori, J. *Muslim Travelers: Pilgrimage, Migration, and the Religious Imagination*. New York: Rutledge.
- Miles, M.B., Huberman, A. M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook*. New Delhi.
- Mohd Razali Salleh. (2004). *Pengendalian stress dan kebimbangan: Penilaian kognitif dan tingkah laku*. Universiti Sains Malaysia.
- Norizan Musa & Suriati Ghazali. (2018). Financial support for pilgrimage and its impact to the well-being of the elderly in Kelantan. *Geografi*. 6(2), 21-28.
- Norizan Musa. (2012). *Taraf sosioekonomi, pengaturan kehidupan, dan jenis kemudahan untuk warga tua melayu dalam komuniti bandar di Taman Tun Sardon Gelugor, Pulau Pinang* (Tesis Msc Bandar dan Komuniti Lestari tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Norizan Musa. (2019). *Analisis perjalanan agama dalam kalangan warga tua Melayu Kelantan* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Patton, M.Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice*. Sage Publication.
- P. Ramlee. (1956). Lirik lagu "Berkorban Apa Saja". *Anakku Sazali*.
- Prohatni, R., Purwana, D.E.S., Yasser, M. A., Nindito, M., & Noviarini, D. (2013). Hajj Pilgrimage: The Faith and Economic Development Uphold. 3rd International Conference on Business, Economics, Management and Behavioral Sciences (ICBEMBS'2013) April 29-30, 2013 Singapore. <http://psrcentre.org/image/extraimages/63%20413639>
- Sabakti, S. (2019). Konsep pendidikan karakter dalam buku pandangan orang Melayu terhadap anak karya Tenas Effendy. *Widyaparwa*, 46(2), 189-204.
- Shahril @ Charil Marzuki. (2005). *Mengurus dan membiayai pendidikan di Malaysia*. PTS Professional.

- Suriati Ghazali & Colonius Atang. (2008). Pencarian dan pentafsiran maklumat kualitatif dalam penyelidikan geografi: Pengalaman daripada kajian kesejahteraan ketua keluarga wanita. *Manusia dan Masyarakat. Siri baru*, vol 16, 156-179.
- Suriati Ghazali. (2018). *Transformasi wanita Malaysia suatu perspektif geografi budaya*. Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Taqliacozzo, E. (2013). *The longest journey. Southeast Asians and the pilgrimage to Mecca*. Oxford University Press.
- Taylor, S.M. (1993). Geography of urban health. Bourne, L.S. & Ley, D.F. (Eds.), *The changing social geography of Canadian cities*. University of Press.
- Tuah Iskandar al-Haj. (2010). *Cipta syurga hati*. Karya Bestari.
- Utusan Malaysia*. (6.3.2017). Warga dapat lebih peluang tunai haji tahun ini. Hal: 7.
- Utusan*. (27.11.2015). 70 Tahun Tunggu Tunai Haji.
- World Health Organization. (2018). *Proposed working definition of an older person in Africa for the mds project*. http://www.who.int/health/info/survey/ageing_efsolder/en/Health_statisticsandinformation_systems
- Yahaya Awang. (2008). *Kapal Haji dalam Kenangan*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Yu, C. L., Yu, Y., Mansfield, P.K. (1990). Gender and changes in support of parents in China: Implications for the one-child policy. *Gender & Society*, 4(1): 83-89.
- Yusof al-Qaradhawi. (2003). *Fiqh jihad*. PTS Islamika Sdn Bhd.
- Zulkiflee Yazid. (2000). *Anak bagi seorang Muslim*. Darul Iman.